

## AJARAN DAN KEPERCAYAAN AGAMA ISLAM

Nur Amirah Basiran  
Nur Syazana Mohd Saberi  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Basiran, N. A., Mohd Saberi, N. S., & Jasmi, K. A.(2012). Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 175-194. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Islam adalah menyerah diri kepada pencipta-Nya dengan mentauhidkan-Nya dengan penuh keyakinan serta melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, iaitu amar makruf nahi mungkar. Islam adalah agama yang mudah dan ianya tidak membebankan umat yang menganutnya kerana ia memberi kelonggaran kepada umatnya yang mengalami kesulitan dalam menunaikan ibadah. Agama Islam menekankan umatnya untuk berpegang teguh kepada dua perkara, iaitu rukun Islam dan rukun iman. Rukun Islam merangkumi mengucapkan dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan manakala rukun iman merangkumi enam perkara, iaitu percaya kepada Allah, percaya kepada malaikat, percaya kepada kitab, percaya kepada nabi dan rasul, percaya kepada hari kiamat dan yang terakhir percaya kepada qada' dan qadar.

# AJARAN DAN KEPERCAYAAN AGAMA ISLAM

**Nur Amirah Basiran  
Nur Syazana Mohd Saberi  
Kamarul Azmi Jasmi**

## ABSTRAK

*Islam adalah menyerah diri kepada pencipta-Nya dengan mentauhidkan-Nya dengan penuh keyakinan serta melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, iaitu amar makruf nahi mungkar. Islam adalah agama yang mudah dan ianya tidak membebankan umat yang mengikutinya kerana ia memberi kelonggaran kepada umatnya yang mengalami kesulitan dalam menunaikan ibadah. Agama Islam menekankan umatnya untuk berpegang teguh kepada dua perkara, iaitu rukun Islam dan rukun iman. Rukun Islam merangkumi mengucapkan dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan manakala rukun iman merangkumi enam perkara, iaitu percaya kepada Allah, percaya kepada malaikat, percaya kepada kitab, percaya kepada nabi dan rasul, percaya kepada hari kiamat dan yang terakhir percaya kepada qada' dan qadar.*

## PENGENALAN

Islam adalah satu agama yang syumul, iaitu agama yang menyeluruh dan sempurna. Islam dari *Wikipedia Bahasa Melayu* bermaksud berserah diri kepada Allah serta taat kepadaNya dan penganutnya pula digelar sebagai muslim. Sesungguhnya Allah Maha Mencipta, Allah mencipta Malaikat daripada cahaya, iblis daripada api, manakala manusia dicipta daripada tanah. Allah juga mencipta alam semesta untuk didiami oleh makhlukNya supaya mereka dapat beribadat kepada Penciptanya.

Allah Maha Esa, tiada Tuhan yang layak disembah melainkan-Nya dan Nabi Muhammad s.a.w. adalah pesuruh Allah. Sebagai seorang Muslim, mereka perlu taat kepada ajaran Islam dan meninggalkan perkara yang dilarang, Amar Makruf Nahi Mungkar. Islam menjelaskan bahawa segala pujian hanya bagi Allah, maka kita perlu memuji, bertaubat, bertaqwa serta beriman kepadaNya: (Muhammad bin Ali 'Al-Arfaj, 2002)

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهٖۚ وَلَا تَمُوْنُوْا اِلَّا وَاَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ ﴿١٠٤﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa kepadaNya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.*

(Surah Ali Imran; 3:102)

Oleh itu, bagi orang Islam mereka perlu percaya terhadap dua rukun, iaitu Rukun Islam dan Rukun Iman.

## PERCAYA TERHADAP RUKUN ISLAM

Rukun Islam terdiri daripada lima perkara, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan haji bagi yang mampu. Setiap muslim wajib mengetahui serta mengamalkan rukun tersebut (Muhammad Ali 'Al-Arfaj, 2002)

### Mengucap Dua Kalimah Syahadah

Rukun pertama kepada rukun Islam ialah mengucap dua kalimah syahadah, iaitu penyaksian terhadap keesaan Allah dan penyaksian bahawa Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul-Nya dalam bentuk ucapan dilidah dan membenarkannya dalam hati seperti berikut:

أشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Maksud: *Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu pesuruh Allah.*

Bagi seorang muslim, mereka sentiasa mengucap dua kalimah syahadah sekurang-kurangnya lima kali sehari ketika dalam solat manakala bagi orang bukan Muslim mengucap dua kalimah syahadah secara terang dan ikhlas tanpa ragu-ragu serta faham maksudnya, dia dikira sebagai seorang penganut baru Islam secara sahnyanya.

### Menunaikan Solat Lima Waktu

Solat adalah salah satu cara beribadah kepada Allah dengan melakukan pergerakan anggota badan. Solat terbahagi kepada dua, iaitu solat fardu dan solat sunat. Solat fardu ialah solat wajib yang dilakukan lima kali sehari bagi Muslim yang sudah akil baligh dan berakal. Antara solat fardu ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Solat fardu, waktu dan bilangan Rakaat

Solat	Waktu Jumlah	Rakaat
Subuh	Setelah terbitnya fajar shadiq sehingga matahari terbit.	2
Zohor	Bermula gelincir matahari ke barat sehingga bayang-bayang sesuatu benda sama panjang.	4
Asar	Berakhirnya waktu Zohor dan setelah terbenam matahari.	4
Maghrib	Setelah terbenam matahari sehingga hilang cahaya merah.	3
Isyak	Setelah hilang cahaya merah sehingga terbitnya fajar shadiq.	4

(Ustaz Zaharuddin Abd. Rahman, 2008)

Dalam al-Quran al-Karim juga menyatakan bahawa:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِنَّهُ

لَلْحَقِّ مِنْ رَبِّكَ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾

Maksud: *Dan dari mana saja kamu keluar, maka palingkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram, sesungguhnya ketentuan itu benar-benar sesuatu yang hak dari Tuhanmu. Dan Allah sekali-kali tidak berlelah dari apa yang kamu kerjakan.*

(Surah al-Baqarah, 2:149)

Berdasarkan ayat ini, kita wajib menunaikan solat tidak kira di mana kita berada tanpa melengah-lenghkannya.

Syarat wajib bagi menunaikan solat ialah Islam, baligh, iaitu cukup umur, berakal yakni tidak gila dan suci daripada haid dan nifas bagi perempuan. Selain itu, terdapat juga syarat sah bagi solat, iaitu anggota badannya bersih dan suci daripada hadas besar dan hadas kecil. Seseorang itu perlu mandi hadas untuk membersihkan dirinya daripada najis dan setelah itu mengambil wuduk untuk menunaikan solat. Syarat sah solat yang kedua adalah pakaian dan tempat sembahyang suci dan bersih daripada najis contohnya jika di tempat sembahyangnya terdapat najis, maka ia perlu menunaikan solatnya kembali kerana ia tidak memenuhi syarat sah solat. Kemudian syarat sah yang ketiga adalah menutup aurat. Aurat bagi kaum perempuan ialah seluruh anggota badannya kecuali muka dan tapak tangan manakala aurat kaum lelaki ialah diantara pusat sehingga ke lutut. Dalam al-Quran al-Karim menyatakan bahawa:

يَبْنَیْ ءَادَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ

لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Maksud: *Wahai anak Adam! Pakailah pakaianmu yang indah pada setiap kali memasuki masjid, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.*

(Surah al-A'raf, 7:31)

Menurut ayat ini, setiap Muslim perlu menutup aurat tidak kira sama ada lelaki atau perempuan mengikut had yang di tetapkan dalam Islam.

Syarat sah solat yang keempat pula ialah ketika solat mesti menghadap kiblat. Sebagai Muslim kiblat ketika solat adalah berdasarkan Masjidil Haram yang juga dikenali sebagai Kaabah dan syarat sah yang terakhir ialah meyakini bahawa masuknya waktu solat. Bagi di negara Islam, azan akan berkumandang setiap kali masuknya waktu solat bagi memudahkan umat Islam untuk menunaikan solat serta tidak alpa terhadap kewajipan yang perlu dilaksanakan (Johari Alias, 1997).

Solat juga terdapat 13 rukun yang perlu dipatuhi, iaitu berdiri bagi yang mampu. Jika tidak mampu, seseorang itu boleh menunaikan solatnya dalam keadaan duduk ataupun baring mengikut kemampuan masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang mudah kerana ia tidak memudaratkan sesiapaupun. Kemudian, niat dalam hati. Niat penting ketika melakukan sesuatu kerana dengan niat seseorang itu akan melakukan pekerjaannya dengan ikhlas. Seterusnya, takbiratul ihram yang pertama dan diikuti dengan bacaan al-Fatihah. Diikuti pula rukuk serta tama'ninah, iktidal serta tama'ninah, sujud serta tama'ninah dan duduk diantara dua sujud serta tama'ninah. Berikutnya pula ialah duduk tahiyat akhir, membaca tahiyat akhir dan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. dalam bacaan tahiyat akhir. Akhir sekali ialah tertib (Zaharuddin Abd. Rahman, 2008)

Sebelum menunaikan solat, pakaian perlu dipastikan ianya sopan dan menutup aurat kemudian mengambil wuduk. Cara-cara mengambil wuduk ialah (Johari Alias, 1997):

- (1) Sunat memulakan dengan bismillah, iaitu dengan nama Allah serta membasuh pergelangan tangan.
- (2) Sunat berkumur-kumur membersihkan mulut dan membersihkan lubang hidung.
- (3) Rukun membasuh muka 3 kali serta niat:

نويت الوضوء لله تعالى

Maksud: *Sahaja aku berwuduk kerana Allah Taala*

- (4) Rukun membasuh kedua belah tangan hingga ke siku (dahulukan yang kanan) sebanyak 3 kali.
- (5) Rukun menyapu sebahagian kepala/rambut sebanyak 3 kali.

- (6) Sunat menyapu kedua telinga luar dan dalam sebanyak 3 kali.
- (7) Rukun membasuh kedua kaki hingga ke buku lali (dahulukan kaki kanan) sebanyak 3 kali.
- (8) Membaca doa selepas berwuduk.

Selain mengambil wuduk, mandi hadas juga boleh dilakukan sebelum menunaikan solat terutamanya bagi kaum perempuan yang keluar darah haid atau nifas (Muhammad Ali al-'Arfaj, 2002)

Selain itu, Islam memberi keringanan kepada umatnya jika tiada air untuk mengambil wuduk atau terdapat orang yang mempunyai penyakit yang menyebabkan anggota badannya tidak boleh terkena air dengan bertayammum. Tayammum ialah menyapu debu tanah yang suci ke muka dan tangan hingga ke siku dengan syarat tertentu. Syarat bertayammum ialah:

- (1) Tidak terdapat setitik air pun setelah berikhtiar mencarinya.
- (2) Mempunyai penyakit yang ditegah daripada terkena air.
- (3) Air yang terdapat hanya sedikit dan amat diperlukan untuk kegunaan minuman dirinya, kawannya atau haiwannya.
- (4) Masuk waktu solat. Tidak sah tayammum sebelum waktu solat.
- (5) Debu tanah untuk bertayammum mestilah debu tanah yang suci.
- (6) Cuaca sejuk yang terlampau sehingga boleh mendatangkan memudaratkan jika berwuduk.
- (7) Air dijual dengan harga yang sangat mahal.
- (8) Air terdapat di kawasan musuh yang boleh membinasakan diri jika didatangi.
- (9) Setiap kali tayammum hanyalah tertentu untuk satu solat fardu, tetapi boleh untuk beberapa kali solat sunat.

Oleh yang demikian, kita perlu mengikuti syarat bertayammum supaya amal ibadah kita sah diterima oleh Allah (Johari Alias, 1997)

Selain itu, untuk bertayammum kita perlu mengikuti cara yang betul dan antara cara untuk mengambil tayammum ialah:

- (1) Dengan membaca *bismillah* dan niat:

نويت التيمم لاستباحة الصلاة فرضاً لله تعالى

Maksud: *Sahaja aku bertayammum untuk mengharuskan solat fardu kerana Allah Taala.*

- (2) Sunat tepukkan kedua belah tangan ini debu yang bersih dan nipiskan debu itu.  
 (3) Rukun menyapu muka dengan debu sebanyak dua kali.  
 (4) Sunat tepukkan kedua belah tangan ini debu yang bersih dan nipiskan debu.  
 (5) Rukun menyapu kedua belah tangan hingga ke siku dengan debu tersebut.  
 (6) Doa.

Suruhan untuk berwuduk ini sebagaimana firman Allah S.W.T. yang menjelaskan tuntutan tersebut ini:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا قُمْتُمْ اِلَى الصَّلٰوةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوْهَكُمْ  
 وَاَيْدِيَكُمْ اِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوْا بِرُءُوسِكُمْ وَاَرْجُلَكُمْ اِلَى  
 الْكَعْبَيْنِ ۚ وَاِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوْا ۗ وَاِنْ كُنْتُمْ مَّرْضٰى اَوْ عَلٰى سَفَرٍ  
 اَوْ جَاءَ اَحَدٌ مِّنْكُمْ مِّنَ الْغَايِطِ اَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوْا مَاءً  
 فَتَيَمَّمُوْا صَعِيْدًا طَيِّبًا فَاَمْسَحُوْا بِوُجُوْهِكُمْ وَاَيْدِيكُمْ مِّنْهُ مَا  
 يُرِيْدُ اللّٰهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِّنْ حَرَجٍ وَلٰكِنْ يُرِيْدُ لِيُطَهِّرَكُمْ  
 وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُوْنَ ﴿٦﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai ke siku dan sapulah kepalamu dan basuhlah kakimu sampai ke buku lali dan jika kamu*



*junub, maka mandilah. Dan jika kamu sakit atau dalam keadaan musafir atau kembali dari tempat buang air (tandas) atau menyentuh perempuan, jika kamu tidak memperoleh air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak ingin menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu supaya kamu bersyukur.*  
(Surah al-Ma'idah, 6:6)

Berdasarkan terjemahan ayat al-Quran ini, Allah menyeru kepada orang yang beriman supaya mengambil wuduk sebelum menunaikan solat dan jika mereka tidak memperoleh air untuk beribadat, mereka perlulah bertayammum.

### **Menunaikan Zakat**

Zakat bermaksud bersih atau suci manakala zakat fitrah bermaksud mengeluarkan makanan asasi bagi sesebuah negara dengan kadar tertentu, diberikan kepada orang tertentu dan dengan syarat tertentu. Hukum zakat fitrah adalah wajib bagi orang Islam dan kadarnya adalah satu gantang Baghdad, iaitu bersamaan dengan 2.7 kilogram makanan asasi sesebuah negara contohnya beras, kurma, gandum dan sebagainya (Fauziah binti Haji Muhammad Ramli, et. al., 2009)

Antara syarat wajib zakat fitrah ialah Islam, iaitu tidak wajib ke atas orang bukan Islam. Mempunyai harta yang melebihi keperluan makanan atau minuman untuk diri sendiri serta orang yang disara. Jika seseorang itu tidak mampu, maka tidak wajib ke atasnya untuk membayar zakat. Selain itu, syarat wajib bagi zakat fitrah ialah hidup pada akhir bulan Ramadan dan awal Syawal, iaitu sekurang-kurangnya hidup pada kedua-dua bulan tersebut walaupun hanya seketika (Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2006).

Zakat fitrah yang dibayar akan diberikan kepada orang yang kurang berkemampuan dan ia tidak sekali-kali diberikan kepada sebarang orang. Terdapat lapan golongan yang berhak menerima zakat fitrah, iaitu:

- (1) Fakir
- (2) Miskin

- (3) Amil, iaitu orang yang terlibat dalam urusan zakat
- (4) Muallaf, iaitu orang yang baru memeluk Islam
- (5) Hamba yang hendak memerdekakan diri
- (6) Orang yang berhutang di jalan Allah
- (7) Ibnu Sabil, iaitu musafir
- (8) Fi Sabilillah

Waktu mengeluarkan zakat fitrah juga ditetapkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Waktu zakat fitrah dan tempohnya

Waktu	Tempoh
Wajib	Bermula dari terbenam matahari pada akhir Ramadan.
Sunat	Bermula dari solat Subuh hingga solat sunat Aidilfitri.
Makruh	Selepas solat sunat Aidilfitri hingga terbenam matahari 1 Syawal.
Haram	Setelah terbenam matahari 1 Syawal.
Harus	Sepanjang bulan Ramadan.

(Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2006)

Zakat perlu ditunaikan kerana jika tidak, pahala puasa tidak akan diterima. Dengan demikian, puasa kita akan menjadi sia-sia sahaja. Selain itu, diri terus dibelenggu dengan sifat bakhil dan sombong. Bukan itu sahaja malah hati menjadi keras dan tidak berperikemanusiaan.

### **Berpuasa di Bulan Ramadan**

Puasa membawa maksud menahan diri daripada lapar dan dahaga serta perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar shadiq hingga terbenam matahari disertai dengan niat dan syarat tertentu. Niat puasa di bulan Ramadan ialah:

نویت صوم غد عن أداء فرض رمضان لله تعالى

Maksud: *Sahaja aku berniat puasa fardu Ramadan pada besok hari kerana Allah S.W.T.*

Antara syarat wajib berpuasa ialah Islam, berakal, baligh dan mampu untuk berpuasa. Contohnya, seseorang itu mestilah seorang Muslim supaya puasanya diterima oleh Allah. Bagi syarat yang kedua, orang yang berpuasa mestilah orang yang waras akalnya kerana dikhuatiri tidak mampu untuk berfikir tujuan mereka berpuasa. Orang yang waras mampu untuk berfikir tujuan mereka berpuasa, iaitu menahan diri daripada lapar supaya dapat merasai kesengsaraan yang dilalui oleh umat Islam yang lain yang susah untuk mendapatkan makanan. Syarat yang ketiga ialah baligh. Baligh adalah sempurna umurnya dimana seseorang itu mampu membezakan perkara baik dan buruk. Disebabkan itu, kanak-kanak yang umurnya sudah mencecah tujuh tahun digalakkan untuk berpuasa supaya mereka belajar berpuasa dari awal sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. juga mendidik putera dan puterinya berpuasa di awal umur mereka. Syarat wajib puasa yang terakhir ialah mampu untuk berpuasa. Islam adalah agama yang mudah kerana ia mengecualikan orang yang tidak mampu berpuasa untuk berpuasa tetapi mereka diwajibkan menqada'kan puasanya setelah mereka mampu (Ismail Kamus, et. al., 2006)

Antara orang yang tidak mampu berpuasa ialah orang tua, orang yang mempunyai sakit yang tiada harapan untuk sembuh, perempuan yang keluar darah haid dan nifas. Perempuan yang keluar darah haid dan nifas tidak boleh berpuasa selagi mereka tidak mandi wajib dan mereka perlu menqada'kan puasanya selepas berakhirnya bulan Ramadan.

Islam hanya mengecualikan beberapa orang yang tidak perlu berpuasa di bulan Ramadan, iaitu orang yang menjelajah ketika di bulan Ramadan dan dia perlu berbuka bagi meneruskan perjalanannya namun dia perlu menqada'kan puasanya. Jika dia mampu untuk berpuasa ketika menjelajah, ia adalah sebaik-baiknya dan puasanya diterima manakala perempuan yang keluar darah haid dan nifas, mereka perlu tunggu sehingga darah tersebut berhenti keluar kerana jika mereka berpuasa juga, puasa mereka tidak diterima oleh Allah. Seterusnya ialah perempuan yang mengandung

dan menyusukan anak. Mereka perlu menqada'kan puasanya serta memberi makanan kepada orang yang susah jika mereka kkuatir anak atau bayi dalam kandungannya terjejas tetapi jika mereka meneruskan puasanya juga, puasa mereka sah dan diterima oleh Allah. Bagi perempuan yang tidak mampu berpuasa kerana kkuatir diri mereka terjejas, mereka perlu menqada'kan puasanya dan tidak perlu memberi makanan kepada orang yang susah. Jika mereka ingin berpuasa, maka ia adalah sebaik-baiknya dan puasanya diterima oleh Allah (Abdul Hadi Awang, 2007)

Selain solat, puasa juga terdapat banyak sunnah ketika berpuasa dan diantaranya ialah menyegerakan berbuka apabila masuknya waktu berbuka manakala ketika bersahur kita digalakkan untuk melengah-lengahkan waktu bersahur. Memberi sedekah juga merupakan perkara sunnah ketika berpuasa kerana ia membantu kita mendapat pahala daripada Allah tetapi bersedekah itu mestilah datang dari hati yang ikhlas bukan kerana hanya pahala semata-mata.

Berpuasa bukan sahaja mendapat pahala daripada Allah malah ia juga merupakan kebaikan terhadap diri kita. Contohnya, puasa mengajar kita supaya lebih bersabar dan ikhlas dalam melakukan sesuatu pekerjaan di samping menahan nafsu daripada melakukan perkara yang keji. Kesihatan diri juga terjamin dengan berpuasa kerana ketika berpuasa kita menahan diri daripada memakan pelbagai jenis makanan yang boleh mendatangkan bahaya serta boleh menjadi toksin dalam anggota badan kita (Ismail Kamus, et. al., 2006)

Bulan Ramadan bukan sahaja bulan untuk berpuasa malah adalah bulan yang mulia dimana terdapat banyak keistimewaan dalamnya. Pada bulan Ramadan, setiap Muslim akan menunaikan solat terawih selepas waktu Isyak malah dalam bulan ini juga terdapat satu malam yang dipanggil malam Lailatul Qadar yan mempunyai keistimewaan lebih dari seribu bulan. Pada malam tersebut, ramai umat Islam berebut-rebut untuk melakukan ibadah untuk meminta keampunan daripada Allah. Bukan itu sahaja, malah peperangan Badr berlaku di bulan ini yang melibatkan peperangan diantara umat Islam dan orang kafir sehingga umat Islam berjaya menumpaskan orang kafir.

### **Mengerjakan Haji**

Mengerjakan haji ialah rukun Islam yang kelima yang menuntut orang Islam mengerjakan haji sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan. Kebiasaannya seseorang akan mengerjakan umrah sebelum mengerjakan haji mengikut kemampuan masing-masing. Haji dari segi bahasa mengunjungi tempat yang mulia manakala dari segi istilah bererti mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah kerana mengerjakan ibadah tertentu pada masa tertentu dengan syarat-syarat tertentu (Fauziah binti Haji Muhammad Ramli, et. al., 2009)

Syarat-syarat bagi mengerjakan haji ialah Islam, iaitu tidak sah bagi orang kafir untuk mengerjakan haji dan ibadahnya tidak diterima oleh Allah. Merdeka, iaitu tidak wajib ke atas seorang hamba, baligh, iaitu sudah cukup umur, berakal yakni tidak gila dan mampu berfikir dengan waras dan berkemampuan. Berkemampuan terbahagi kepada lima, iaitu:

- (1) Mampu membayar segala perbelanjaan ketika mengerjakan haji sehingga selesai dan kembali ke tanah air.
- (2) Mempunyai kenderaan untuk pergi dan balik.
- (3) Mempunyai bekalan yang cukup untuk orang di bawah tanggungannya yang ditinggalkan.
- (4) Selamat perjalanan pergi dan balik.
- (5) Mempunyai kesempatan masa.

Selain itu, rukun-rukun haji ialah niat ihram di miqat, wukuf di Arafah, iaitu berhenti di Padang Arafah dari gelincir matahari 9 Zulhijjah sehingga terbitnya fajar 10 Zulhijjah, melakukan tawaf, iaitu mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali di dalam Masjidil Haram. Tawaf terbahagi kepada empat, iaitu Tawaf Qudum, iaitu tawaf selamat datang yang dilakukan oleh para jemaah yang baru sampai ke Mekah dan ianya sunat untuk melakukannya. Kemudian Tawaf Ifadah, iaitu tawaf rukun yang wajib dilakukan, tawaf sunat, dan akhir sekali Tawaf Widak, iaitu tawaf selamat tinggal yang dilakukan bagi jemaah yang ingin meninggalkan Mekah. Syarat-syarat tawaf ialah suci, menutup

aurat, memulakan dan mengakhiri tawaf di Hajarul Aswad dan mengelilingi Kaabah dengan memastikan Kaabah berada disebelah kirinya.

Rukun haji seterusnya ialah Sa'i yang bermaksud berlari-lari anak atau berjalan antara Bukit Safa dan Bukit Marwah. Syarat Sa'i ialah memulakan perjalanan dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah sebanyak tujuh kali dan dilakukan dengan yakin. Seterusnya bercukur atau menggunting sedikit rambutnya dan yang terakhir adalah tertib, iaitu mengikut rukun haji tersebut mengikut turutan (Muhd Kamil Ibrahim, 2009)

Setiap Muslim yang mengerjakan haji sentiasa menginginkan ibadah hajinya diterima oleh Allah. Oleh itu, cara-cara untuk mencapai Haji Mabrur, iaitu ibadah hajinya yang diterima ialah melakukan ibadah tersebut dengan niat yang ikhlas tanpa menunjuk-nunjuk, melakukan ibadah haji mengikut sunnah yang betul, perbelanjaan untuk mengerjakan ibadah haji adalah datang dari sumber yang halal, melakukan ibadah haji dengan penuh ketaatan tanpa mempertikaikannya dan membantu menyempurnakan ibadah haji untuk kedua orang tuanya yang tidak mampu mengerjakan ibadah tersebut setelah selesainya ibadahnya. Haji juga terdapat beberapa jenis, iaitu Haji Tamattu', Haji Qiran, Haji Ifrad dan Haji untuk orang lain. Haji untuk orang lain adalah haji yang diupah oleh seseorang bagi melakukan ibadah haji untuknya kerana ia tidak mampu untuk melakukannya.

## **PERCAYA TERHADAP RUKUN IMAN**

Iman membawa maksud melafazkan dengan lidah, membenarkan dalam hati dan melakukan dengan anggota badan. Asas kepercayaan terhadap agama yang kita anuti, iaitu agama Islam adalah kepercayaan terhadap rukun iman. Setiap umat Islam di dunia ini wajib mempercayai rukun iman kerana setiap apa yang kita lakukan di dunia ini adalah niat kerana Allah Taala. Kepercayaan kita adalah beriman kepada Allah, beriman kepada Malaikat, beriman kepada Kitab, beriman kepada Nabi-nabi dan Rasul, beriman kepada hari Kiamat serta beriman kepada Qada' dan Qadar (Ibn al-Sharif, 2006)

### Beriman kepada Allah S.W.T.

Beriman kepada Allah membawa maksud percaya terhadap kewujudan Tuhan yang mencipta, mentadbir dan memiliki alam ini serta percaya bahawa Tuhan adalah Esa, iaitu tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah. Setiap muslim yang beriman terhadap Allah perlu mengetahui sifat-sifat wajib Allah. Muslim wajib menyembah Allah yang Esa sebagai tanda bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan-Nya. Kita wajib percaya bahawa tiada pencipta yang mampu mengawal segala kejadian ini muka bumi ini tetapi ia berlaku atas kehendak Allah.

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا<sup>ع</sup>

كُلُّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٦﴾

Maksud: *Dan tidak ada suatu binatang melata pun di bumi melainkan Allah-lah yang memberi rezekinya dan Dia mengetahui tempat tinggalnya dan tempat penyimpanannya. Semuanya tertulis dalam Kitab yang nyata (Lauh Mahfuz).*

(Surah Hud, 11:6)

Setiap perkataan yang diturunkan oleh Allah adalah sebenar-benar perkataan dalam menyebarkan maklumat dan tiada yang dusta bagi Allah, sama seperti sifat Allah yang wajib kita ketahui, iaitu siqqid.

Oleh itu, perasaan cinta terhadap Allah perlu diterapkan dalam diri supaya cinta kepada Allah melebihi segala-galanya termasuk diri sendiri dan kedua ibubapa dan kita juga perlu jujur serta taat kepada setiap perintahNya (Ibn al-Sharif, 2006)

### Beriman kepada Malaikat

Malaikat ialah hamba Allah dan diciptakan daripada cahaya. Malaikat sangat taat dan patuh terhadap arahan Allah. Kita wajib percaya terhadap kewujudan malaikat dan mereka sangat setia kepada pencipta, iaitu Allah S.W.T. serta hanya bertindak apabila mendapat arahan daripada

Allah. Kita tidak dapat melihat malaikat tetapi Allah hanya menunjukkan kepada beberapa pengikut-Nya sahaja. Malaikat mempunyai beberapa sifat, iaitu mereka tidak tidur, tidak mempunyai jantina sama ada lelaki atau perempuan, tidak beribu dan berbapa, tidak makan dan minum, tidak berkahwin dan juga tidak beranak. Malaikat juga mempunyai sayap dan sayap inilah yang akan melindungi makhluk Allah (Muhammad as-Saleh al-Uthaimin, 2004)

**Jadual 1** Sepuluh malaikat serta tugas yang wajib diketahui

<b>Bil.</b>	<b>Malaikat</b>	<b>Tugas</b>
(1)	Jibril	Menyampaikan wahyu Allah.
(2)	Mikail	Menyampaikan rezeki yang ditentukan Allah.
(3)	Israfil	Meniup angin sangkakala.
(4)	Izrail	Mencabut nyawa.
(5)	Munkar	Menyoal mayat di dalam kubur.
(6)	Nakir	Menyoal mayat di dalam kubur.
(7)	Ridhwan	Menjaga pintu syurga dan menyambut ahli syurga.
(8)	Malik	Menjaga pintu neraka dan menyambut ahli neraka.
(9)	Raqib	Mencatat kebaikan manusia.
(10)	Atid	Mencatat amalan buruk manusia.

Setiap tugas Malaikat ditetapkan oleh Allah dan tiada siapa yang boleh mengubahnya dan setiap Malaikat juga patuh kepada tugas yang diberikan kepada mereka.



**Beriman kepada Kitab**

Allah menurunkan kitab-kitabnya kepada Rasul-rasul sebagai panduan dan bekal dalam hidup. Kitab-kitab yang harus kita ketahui ialah Taurat, Zabur, Injil dan al-Quran. Setiap orang Islam wajib beriman terhadap semua kitab ini. Kitab Taurat diwahyukan kepada Nabi Musa a.s., kitab Zabur pula diturunkan kepada Nabi Daud a.s., Injil kepada Nabi Isa a.s. dan kitab terakhir ialah al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kitab al-Quran diwahyukan kepada Nabi Muhammad sebagai panduan untuk umat-umat Nabi Muhammad dan al-Quran ialah satu kitab yang kekal dan suci (Ustaz Hamizul Abdul Hamid, 2009)

Al-Quran adalah satu kitab yang terpelihara kandungannya. Sejak dari zaman Rasulullah, isi kandungan al-Quran dipelihara daripada diubah dan diolah kesuciannya.

Al-Quran juga mengandungi banyak mukjizat dan pelbagai panduan yang perlu diketahui oleh semua umat Islam. Sebagai contoh, al-Quran menjelaskan setiap perkara yang hak dan batil, membezakan benda yang halal dan haram, perkara yang buruk atau baik dan sebagainya. Allah S.W.T. berfirman dalam surah *Ali-Imran* ayat 50 membawa maksud bahawa kitab Taurat dibenarkan untuk menghalalkan sebahagian yang diharamkan dan suatu tanda ataupun mukjizat didatangkan dari Tuhan.

Selain itu, membaca al-Quran juga memberi banyak manfaat dan kebaikan kepada manusia. Setiap muslim yang membaca al-Quran boleh mendapat pahala daripada setiap huruf dan perkataan yang dibaca serta mendengar orang lain membaca al-Quran dengan khusyuk juga menjadi sunat. Maka bertakwalah kepada Tuhanmu dan taatlah kepada nabi (Haji Johari Haji Alias, 1991)

**Beriman kepada Nabi-nabi dan Rasul**

Nabi ialah orang yang menerima wahyu daripada Allah S.W.T. sebagai panduan hidup, manakala rasul pula ialah nabi-nabi yang diberi wahyu untuk membimbing manusia ke arah yang lebih baik. Kita wajib percaya

bahawa Allah menghantar nabi dan rasul yang membawa berita gembira dan akan memberi peringatan kepada manusia supaya tidak lagi mereka-reka alasan untuk membantah arahan Allah setelah rasul-rasul diutus. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Kita percaya bahawa antara nabi-nabi yang terbaik ialah Nabi Muhammad s.a.w. Beliau boleh dijadikan sebagai contoh yang baik dalam menguruskan kehidupan seharian, iaitu seorang bapa dan suami yang penyayang, seorang pemerintah yang amanah dan bijaksana serta seorang sahabat yang baik (Masoud Kheirabadi, 2004)

Seramai 25 orang rasul yang wajib diketahui oleh umat Islam ialah Nabi Adam a.s., Nabi Idris a.s., Nabi Nuh a.s., Nabi Hud a.s., Nabi Salih a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Luth a.s., Nabi Ismail a.s., Nabi Ishaq a.s., Nabi Ya'akub a.s., Nabi Yusuf a.s., Nabi Ayub a.s., Nabi Syu'aib a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Harun a.s., Nabi Zulkifli a.s., Nabi Daud a.s., Nabi Sulaiman a.s., Nabi Ilyas a.s., Nabi Ilyasa' a.s., Nabi Yunus a.s., Nabi Zakaria a.s., Nabi Yahya a.s., Nabi Isa a.s., dan yang terakhir ialah Nabi Muhammad a.s.

Nabi-nabi dan rasul diciptakan seperti manusia yang mana mereka tidak mempunyai kualiti ketuhanan seperti Allah. Mereka tidak berkuasa mendatangkan kemanfaatan kepada diri mereka dan mereka juga tidak layak untuk memudaratkan diri mereka melainkan dengan kehendak Allah. Mereka akan melakukan sebanyak-banyak kebaikan dan tidak memudaratkan diri mereka sekiranya mereka boleh melihat perkara yang ghaib. Sesungguhnya mereka hanya diutuskan untuk membawa berita gembira dan membimbing manusia ke arah melakukan kebaikan.

### **Beriman kepada Hari Kiamat**

Hari kiamat sama ertinya dengan hari akhirat di mana pada hari itu manusia akan dihimpunkan di satu padang yang lapang, iaitu padang Mahsyar. Pada hari tersebut, semua amalan setiap manusia akan di layarkan tidak kira sama ada yang baik mahupun yang buruk. Setiap amalan akan dihitung serta nabi-nabi dan saksi akan dihadirkan untuk memberi keputusan kepada mereka secara adil. Setiap muslim diwajibkan

mempercayai terhadap kewujudan hari kiamat kerana ini adalah satu peringatan kepada mereka supaya tidak lupa kepada Penciptanya.

Hari kiamat juga disebut sebagai hari kebangkitan. Pada hari tersebut, orang-orang kafir akan dibawa ke neraka secara berombongan dan apabila mereka tiba di pintu neraka, mereka akan disoal tentang peringatan kewujudan hari kiamat. Sesungguhnya mereka pernah diberi peringatan tersebut tetapi tidak menghiraukannya. Setiap manusia akan ditimbang amalan mereka ini timbangan al-Mizan. Manusia juga akan menerima buku amalan mereka pada hari tersebut, sesiapa yang banyak amalan kebbaikannya akan menerima buku itu dengan tangan sebelah kanan manakala sesiapa yang kurang amalannya akan menerima dengan tangan kiri.

Selain itu, umat Islam juga perlu percaya dengan kewujudan laluan Siratul Mustaqim yang mana di bina ini neraka yang panas. Manusia akan melalui laluan itu berdasarkan amalan masing-masing. Orang pertama yang melalui laluan ini laju seperti kilat, dan yang kedua laju seperti angin, burung dan akhirnya seperti orang yang berlari (Muhammad as-Saleh al-Uthaimin, 2004)

### **Beriman kepada Qada' dan Qadar**

Beriman kepada qada' dan qadar ialah rukun iman yang keenam, iaitu rukun yang terakhir. Beriman kepada qada' dan qadar ini adalah wajib bagi orang Islam kerana setiap perkara yang berlaku adalah kerana kehendak Allah S.W.T. Manusia tidak boleh menyalahkan kejadian yang berlaku ini muka bumi ini kerana itu sama ertinya mereka menolak kejadian yang dicipta oleh Allah S.W.T. Qada' memberi maksud kehendak manakala qadar pula ialah takdir yang ditetapkan oleh Allah. Qada' dan qadar saling bergandingan kerana apabila manusia hendak melakukan sesuatu, ia tidak akan terjadi jika tidak ditakdirkan oleh Allah ataupun tidak diizinkan Allah (Sakinah Ariff Johor, 2006)

قُلْ فَلِلَّهِ الْحُجَّةُ الْبَلِيغَةُ فَلَوْ شَاءَ لَهَدَيْتُكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٤٩﴾

Maksud: *Katakanlah: "Allah mempunyai bujah yang jelas lagi kuat, maka jika Dia mengkehendaki, pasti Dia memberi petunjuk kepada kamu semuanya."*

(Surah al-An'am;149)

Menurut ayat ini, sebagai orang Islam kita perlu percaya kepada Qada' dan Qadar kerana Allah menetapkan setiap perkara yang berlaku mempunyai sebab yang tertentu.

## RUMUSAN

Agama Islam adalah agama yang mudah dan ianya tidak sekali-kali memudaratkan umatnya. Tiada paksaan bagi orang yang bukan Muslim untuk memeluk agama ini dan agama ini tidak sekali-kali membebankan umatnya dengan perkara yang tidak mampu dilakukan oleh mereka.

## RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang. 2007. *Ramadan-Tetamu yang Dirindui*. Kuala Lumpur. PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Fauziah binti Haji Muhammad Ramli & Aminah binti Idris. 2009. *Pendidikan Islam Tingkatan 4* <http://www.dawama.com/Pendidikan-Islam-Tingkatan-4/q?pid=261&doit=order> (15.3.2012).
- Ibn al-Sharif. 2006. *Basic Islam*. 3<sup>rd</sup> edition. TTP: TP.
- Ismail Kamus dan Ustaz Muhammad Nidzam Abdul Kadir. 2008. *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Puasa*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Johari Haji Alias. 1991. *Amalan Dan Ibadat Sehari-hari*. Petaling Jaya. Amiza Publishing Sdn. Bhd.
- Johari Hj Alias. 1997. *Panduan Lengkap Ibadah Solat*. Kuala Lumpur. Darul Nu'man.
- Masoud Kheirabadi. 2004. *Islam*. United States of America: Chelsea House Publishers.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2006. *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Zakat*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Publisher.

- Muhammad Ali al-'Arfaj. 2002. *What Must be Known About Islam*. 1<sup>st</sup> edition. TTP: TP.
- Muhd Kamil Ibrahim. 2009. *Travelog Haji*. Kuala Lumpur. Pts Publications and Distributor Sdn. Bhd.
- Tanpa Pengarang. 2012. *Rukun Islam Wikipedia Bahasa Melayu* [http://ms.wikipedia.org/wiki/Rukun\\_Islam](http://ms.wikipedia.org/wiki/Rukun_Islam), (15.3.2012)
- Sakinah Ariff Johor. 2006. *Fatwa Iman*. Kuala Lumpur: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Muhammad as-Saleh al-'Uthaimin. *The Muslim's Belief*. TTP: TP.
- Tafsir al-Quran al-Karim*. 2010. Selangor. al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd
- Hamizul Abdul Hamid. 2009. *Panjangkan Usia dengan Pena*. [http://www.hamizul.com/?page\\_id=964](http://www.hamizul.com/?page_id=964), (20.4.2012)
- Zaharuddin Abd. Rahman. 2008. *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn. Bhd.